

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 MEI 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Security First	The Star
2	PIS bangun taman dasar laut di Johor	Berita Harian
3	Ancaman APT sukar dikesan, lancar khusus	Berita Harian
4	Waxing mystical over things hysterical	The Star
5	Gempa bumi sederhana landa Papua New Guinea	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
THE STAR (STARBIZWEEK) : MUKA SURAT 32
TARIKH: 9 MEI 2015 (SABTU)



Security first: (from left) Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin, Sarawak Minister of Housing and Tourism Datuk Abang Johari Tun Openg, Standards Department of Malaysia director-general Datuk Fadilah Baharin and Malaysian Communications Multimedia Commission digital empowerment sector chief officer Toh Swee Hoe during a Standards Department's meeting on information technology security techniques in Kuching.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 35
TARIKH: 9 MEI 2015 (SABTU)**

TAMAN DASAR LAUT SULTAN ISKANDAR

PIS bangun taman dasar laut di Johor

Gugusan pulau Taman Laut Sultan Iskandar (TLSI) yang dahulunya dikenali sebagai Taman Negara Johor Kepulauan Mersing adalah antara lokasi percutian yang wajar dikunjungi di negeri paling selatan Semenanjung.

Taman Laut ini terdiri daripada enam kumpulan gugusan antaranya Pulau Aur, Pulau Sibul, Pulau Besar, Pulau Rawa, Pulau Pemanggil selain Pulau Dayang, Pulau Lang dan Pulau Pinang.

Pulau ini adalah syurga penyelam skuba kerana khazanah lautnya yang indah, persekitaran pulau yang tenang dan spesies ikan seperti *bumphead*, *alu-alu* atau *barracuda*, *manta rays* dan *whale sharks* yang menjadi tarikan utama di 18 lokasi selaman terkenal seperti Teluk Meriam, Pulau Lang, Pinnacle dan Rayner Rocks.

Keindahan dasar laut ini menjadi ilham kepada Unit Kokurikulum Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) untuk merealisasikan kewujudan satu taman dasar laut bagi memelihara ekosistem akuamarin terutama terumbu karang yang semakin pupus.

Ilham ini dicetuskan rentetan sesi memperkenalkan Pengarah baru PIS, Mohd Hatta Zainal, kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar. Baginda bertanya apakah sumbangan PIS dalam memelihara kehidupan akuamarin di negeri Johor yang akhirnya mencetuskan idea mewujudkan taman tema di dasar laut.

Idea ini kemudiannya dipersembahkan kepada Sultan Ibrahim Iskandar pada 27 Oktober



Pasukan TDLSI membuat persiapan memperkemas Batu Tonda yang akan ditandatangani Sultan Johor.

2014. Bagaimanapun baginda tidak memperkenankan terma 'Taman Tema' sebaliknya menggunakan nama 'Taman Dasar Laut Sultan Iskandar' (TDLSI). Baginda turut berkenan merasmikan TDLSI sempena Kembara Mahkota Johor Jelajah Pulau pada 28 April lalu di Pulau Mensirip, Mersing, Johor.

Terumbu karang terancam

Meskipun memiliki gugusan pulau yang indah dengan air tenang membiru, serta pohon nyiur yang melambai-lambai, keindahan dasar laut menjadi pudar

dengan terancamnya terumbu karang yang mengalami kepupusan.

Fenomena ini menyebabkan pembiakan ikan turut berkurangan di sesuatu kawasan. Idea membangunkan taman laut ini adalah alternatif tepat bagi pembentukan terumbu karang yang membantu menggalakkan pembiakan ikan di dasar laut.

Selain menyelamatkan alam, ia sekali gus memberi sumber ekonomi pada masa akan datang kepada komuniti setempat. Ia adalah projek pembangunan yang julung kali dilakukan Po-

liteknik Malaysia umumnya dan detik cukup manis dan membanggakan bagi PIS. Ianya menjadi tanda bermulanya secara serius pembabitan Politeknik dalam membantu pembangunan ekonomi Johor bersama agensi kerajaan negeri dan Persekutuan.

Jalinan kerjasama antara PIS dan rakan strategik industri, SIRIM Berhad dalam menghasilkan tukun tiruan menggunakan bahan tahan lama, selamat dan sensitif pada alam sekitar dimeterai bagi menarik pertumbuhan karang, sekali gus memastikan pelaksanaan pembangunan taman laut ini dapat berjalan dengan lancar.

Beri tambah nilai

Pembinaan tukun tiruan berbentuk Jata Kerajaan Negeri Johor seberat 16 tan ini adalah melalui penyelidikan dan pembangunan yang bertujuan memberi nilai tambah kepada kepelbagaian bio di Laut Johor dan bakal menyusul lima lagi tukun tiruan pelbagai reka dan dijangka selesai pada tahun 2020. TDLSI yang bakal direalisasi berkeluasan sebuah padang bola atau 75 meter x 110 meter.

Rekabentuk tukun tiruan Jata Kerajaan Negeri Johor adalah hasil pelajar Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual PIS. Ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) (PPPM PT) yang mempunyai 10 lonjakan. Usaha PIS ini dilihat sebagai memenuhi lonjakan kedua dan ketujuh iaitu 'Kecemerlangan Bakat' dan 'Ekosistem Inovasi'.

Ilmu yang dimiliki pensyarah

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

dan pelajar direalisasikan dalam bentuk kreatif yang lebih bermakna dan bernilai tinggi. Gabungan dua teknologi SIRIM Berhad digunakan bagi penghasilan tukun tiruan ini iaitu teknologi reka bentuk dan teknik fabrikasi menggunakan kaedah *Computer Aided Design* (CAD) serta teknik fabrikasi *multicomponent*.

Teknologi bahan termaju campuran seramik-konkrit diguna bagi merangsang pertumbuhan alga dan menggalakkan pertumbuhan batu karang malah bersifat mesra alam.

Pada 21 April lalu, berlangsung secara rasmi simbolik penyerahan Tukun Jata Kerajaan Negeri Johor daripada SIRIM Berhad kepada Politeknik Malaysia dan diserahkan secara rasmi kepada Pengarah Jabatan Perbadanan Taman Negara Johor, Shakib Ali sebelum diturunkan serta dirasmikan Sultan Ibrahim Iskandar sendiri di dasar laut Pulau Mensirip.

Hamzah Zakaria,
Pasukan Taman Dasar Laut Sultan Iskandar PIS

Ancaman APT sukar dikesan, dilancar khusus

Kuala Lumpur: Trend ancaman siber yang dinamakan *Advance Persistent Threat* (APT) dilakukan pada peringkat strategik dan dilancarkan secara khusus terhadap sesuatu sasaran, bukan lagi secara rambang.

Sebelum ini, APT dilancarkan sesebuah negara kerana ia membabitkan aspek strategi dan sumber kepakaran teknikal yang tinggi, namun kini APT mampu dilakukan oleh organisasi penggodam berkepakaran tinggi.

Pakar Kajian Strategik Keselamatan Siber, CyberSecurity Malaysia, Lt Kol (B) Sazali Sukardi, berkata kebanyakan APT lebih menjerus kepada aktiviti pengintipan siber berbanding bertujuan melumpuhkan sistem jentera kerajaan, ketenteraan, sektor per-

khidmatan kritikal dan ekonomi.

Katanya, pengintipan siber sebegini sukar dikesan kerana pengintip hanya memfokuskan aktiviti pengintipan dan menggunakan pelbagai teknik untuk mengeksploitasi kelemahan sistem secara *zero-day exploits* (*Zero-day exploits* didefinisi sebagai eksploitasi terhadap sesuatu kelemahan sistem komputer sebelum kelemahan itu diketahui umum).

Ceroboh sistem tanpa disedari mangsa

"Pengintip mulanya akan mengkaji sistem dan individu penting yang disasarkan dalam sesuatu organisasi. Mereka menggunakan teknik *spear phishing* untuk mencar ceroboh ke dalam sistem tanpa disedari mangsa. Pengintip kemu-



Sazali Sukardi

dian akan memasukkan perisian pengintip (*spyware*) yang digunakan untuk mencuri maklumat.

"*Spyware* ini berupaya mengubah kodnya sendiri, menyebabkan ia sukar dikesan. Dengan demikian, ia boleh menetap dalam sistem selama mana yang boleh untuk mencuri maklumat dengan menggunakan identiti dan hak istimewa individu penting yang dicuri," katanya kepada BH.

(*Spear phishing* adalah e-mel seolah-olah daripada individu atau perniagaan yang dikenali, tetapi sebenarnya tidak. Tujuannya adalah untuk menggodam data sensitif sasaran seperti nombor kad kredit dan akaun bank mangsa).

Sehubungan itu, Sazali berkata, Malaysia perlu mengambil pendekatan yang lebih proaktif dan bersepadu dalam menangani ancaman APT.

Katanya, Malaysia memerlukan sistem keselamatan bersifat pintar menganalisis dan mengesan sebarang pencerobohan serta memberi amaran kepada pentadbir sistem untuk mengambil tindakan penyelesaian.

Ini bermakna sistem itu perlu mempunyai ciri kepintaran menganalisis aktiviti luar biasa dalam rangkaian yang mungkin berkait dengan ancaman APT.

"Ia termasuk menganalisa tingkah laku dan aktiviti pengguna dan kebiasaan trafik rangkaian, serta mengesan jika terdapat sebarang anomali," katanya.



Ikuti BH Plus

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

Waxing mystical over things hysterical

Speakeasy

S. JAYASANKARAN



A PUBLIC university is selling an anti-hysteria kit comprising items such as chopsticks, salt, lime, vinegar, pepper spray and formic acid for a not unreasonable, GST-inclusive RM8,750 apiece.

Its claim: the warding off of "evil spirits"

The kit, reportedly, was the result of three years of diligent research. And the said breakthrough was announced to the media by no less than the university's vice-chancellor.

Hysteria is an archaic term. Medically speaking, it describes a psychological disorder characterised by the conversion of stress into actual, physical symptoms – wild excitement, uncontrollable emotion, etc.

It might be worth noting that this generally accepted definition does not, alas, contain, mention or even

hint at the phrase "evil spirits." Separately, "evil" or "spirits" aren't mentioned either.

Indeed, the said university had been researching away with the best of them.

"In March, through its Committee for Advanced Studies in Witchcraft Law, the university formulated a standard operating procedure (SOP) to combat the use of witchcraft," reported the *Malay Mail* of May 1.

Doubtless, Harry Potter, nay all Hogwarts, would have felt comforted that someone, somewhere, was still confronting the malevolent tyranny of the Dark Wizard.

But it was no laughing matter for you had to feel for disturbed people. People so stressed that they woke up screaming only to realise they hadn't fallen asleep in the first place.

Or people who appeared paranoid. They were people too. I mean, if everyone hated you, you'd be paranoid too.

On the subject of paranoia, the Malaysian medical profession is getting paranoid over the incidence of obesity in the country. Here, we have good news and bad news.

The good news is that the country's sterling economic fundamen-

als are making people rich enough to eat heartily.

The bad news is that Malaysia, truly Asia, has the highest incidence of obesity in Asia. On a per capita basis, that makes us the fattest people in the region.

Malaysians were beginning to mistake ladles for spoons. And the Malaysian Medical Association (MMA) was no longer afraid of heights. Now there was a more compelling danger. It was called width.

The Institute of Medical Research researched. The said university wondered if it should consult its SOP on witchcraft; there was undoubtedly something spellbinding about the weight that bound a nation together.

Moderation and exercise were clearly the answers. It was, of course, easier said than done. So like everything Malaysian, the answer was pragmatism.

"You want to feel thin?" asked the MMA pragmatically. "Hang out with even fatter people." In the end, there was some valedictory message in all this: brain cells come and go but fat cells were forever.

Meanwhile, the said university has defended itself stoutly against

criticism of its anti-hysteria kit.

It seemed it actually worked. On tests of 50 or so students so afflicted, the efficacious use of the said chopsticks, lime, salt, formic acid, presumably even the pepper spray, had cured the sufferers.

It isn't clear what the **Academy of Sciences Malaysia** might have thought of these breakthroughs had it been presented to that august body for review.

One doesn't know, of course, but it's possible that its members might have had urgent need of an anti-hysteria kit just then.

Perhaps we are being over sceptical, even cynical. These so-called breakthroughs only underscore the notion that a sizeable number of Malaysians remain steeped in superstition and myth.

A placebo is dictionary-defined as "a medicine or procedure prescribed for a patient's psychological benefit rather than for any physiological effect."

Thus, a sufficiently suggestible patient might be induced to believe that he will get better under a certain procedure and, in so believing, does indeed get better.

Never underestimate the power of the human mind.



Gempa Bumi Sederhana Landa Papua New Guinea

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Gempa bumi sederhana, berukuran 5.6 pada skala Richter melanda wilayah New Britain, Papua New Guinea, pukul 3.52 petang Jumaat, kata [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Pusat gempa itu terletak 87km barat daya Kimbe, Papua New Guinea dan 3,659km tenggara Semporna, Sabah katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tiada ancaman tsunami dilaporkan, katanya.

Sementara itu, gempa bumi bermagnitud 5.8 melanda Sumatera Utara, Indonesia pada pukul 11.12 pagi tadi menyebabkan gegaran sehingga dapat dirasakan di beberapa kawasan di Selangor.

Jabatan itu berkata pusat gempa itu berada di 22km timur laut Nias, Indonesia dan 441km barat daya Sabak Bernam, Selangor.

Perkembangan gempa bumi itu sedang dipantau oleh jabatan berkenaan, kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA